

Research Article:

Hubungan Konflik Keluarga dengan Perlakuan Buli dalam Kalangan Murid Sekolah yang Mempunyai Kecenderungan Membuli

The Relationship between Family Conflict and Bullying among School Students Who have a Tendency to Bully

Jamalsafri Saibon¹ and Syamsol Azhar Zulkafli^{2*}

¹School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

²Center of Instructional Technology and Multimedia, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: azharzulkafli93@yahoo.com

ABSTRACT

This study aimed to identify the relationship between family conflict and the level of bullying behaviour among male students in secondary school since bullying has become a very critical issue in schools. A survey was conducted in Malaysia that involved 480 male students, who were purposely selected through The Level Bullying Behaviour (TTLB) questionnaire instrument. The Family Conflict Frequency Questionnaire (KKK) was used to measure the level of student's family conflict. KKK used the Likert scale which applied a scale of 1–5 to identify the level of family conflict for students. Descriptive statistics and inferential statistics i.e., Pearson correlation coefficient test were used to analyse the data that indicated 'low moderate' level of bullying behaviour among male students. The study also found that there was a significant relationship between family conflict variables with levels of bullying behaviour among the sample. One of the significant implications of this study is that family conflict factors should be given serious attention and considered in planning intervention programs to curb and prevent the bullying phenomena from escalating into other serious problems in schools. It is suggested that this study should be expanded to other states in a nationwide study and should include both female and male students in order to understand and grasp the seriousness and extent of bullying problems among secondary school students.

Keywords: Bullying, family conflict, male student bullying behaviour, secondary school

Received: 6 Nov 2020; **Accepted:** 25 Jan 2021; **Published:** 25 Aug 2021

To cite this article: Saibon, J., & Zulkafli, S. A. (2021). Hubungan konflik keluarga dengan perlakuan buli dalam kalangan murid sekolah yang mempunyai kecenderungan membuli [The relationship between family conflict and bullying among school students who have a tendency to bully]. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 36(1), 41–57. <https://doi.org/10.21315/apjee2021.36.1.3>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara konflik keluarga dengan tahap perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki di sekolah menengah. Isu buli merupakan masalah perlakuan yang berlaku di sekolah. Kajian tinjauan dilakukan di Pulau Pinang dengan melibatkan seramai 480 murid lelaki dan hanya 74 murid yang memiliki kecenderungan membuli telah dipilih sebagai sampel kajian. Murid ini telah dipilih secara bertujuan menerusi instrumen soal selidik Tahap Tingkah Laku Buli (TTLB). Soal Selidik Kekerapan Konflik Keluarga (KKK) digunakan untuk mengukur tahap konflik keluarga murid. Soal selidik ini telah menggunakan skala Likert dengan mengaplikasikan skala 1-5 untuk mengenalpasti tahap konflik keluarga bagi murid. Analisis kajian telah menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi atau (ujian pekali korelasi Pearson). Analisis data menunjukkan tahap perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki berkecenderungan membuli pada tahap sederhana rendah (2.43). Kajian juga mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara pembolehubah konflik keluarga dengan tahap perlakuan buli dalam kalangan sampel kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa min kekerapan konflik bagi jenis konflik antara adik beradik dengan murid paling kerap berlaku (1.71) berbanding min konflik antara ibu bapa dengan murid (1.63) dan min konflik antara ibu dengan bapa (1.40). Dapatan kajian ini menunjukkan faktor konflik keluarga seharusnya diberi perhatian serius dan diambil kira dalam merancang program intervensi bagi menghalang dan mencegah fenomena buli daripada bertambah serius di sekolah-sekolah. Kajian ini akhirnya mencadangkan agar kajian yang serupa perlu dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dengan melibatkan kedua-dua jantina murid dan keseluruhan negeri di Malaysia bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang isu buli di sekolah.

Kata kunci: Perlakuan buli, konflik keluarga, murid lelaki berkecenderungan membuli, sekolah menengah

PENDAHULUAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996 menjelaskan bahawa objektif pendidikan adalah untuk memastikan semua murid mencapai perkembangan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Pernyataan ini bermaksud, sekolah perlu mewujudkan suasana dan persekitaran yang selamat dan boleh merangsang perkembangan murid. Rigby (1996, dalam Jamalsafri & Ahmad Zamri, 2010), menjelaskan keselamatan adalah terancam apabila individu merasa takut dan bimbang diganggu atau dicerederakan menerusi perlakuan ganas murid lain.

Konsep keganasan di sekolah adalah luas dan salah satu pengertiannya ialah membuli. Menurut Department of Education (1993), perbuatan buli adalah merupakan satu perbuatan agresif yang dilakukan secara berulang sama ada secara fizikal, secara psikologi ataupun verbal oleh seorang atau secara berkumpulan kepada individu yang lain. Rigby (2000, dalam Jamalsafri et al., 2017), turut menyatakan perbuatan buli adalah perbuatan psikologi dan juga merupakan satu bentuk penderaan fizikal yang berulang kali oleh kumpulan yang berkuasa terhadap kumpulan orang yang lebih lemah daripada mereka. Manakala Uba et al. (2010), menyatakan bahawa perlakuan buli bukan sahaja

memberi kesan kepada mangsa, malah ia turut memberi kesan kepada pencapaian sekolah, kemahiran bersosial dan juga tahap psikologi pembuli dan mangsa buli.

Fenomena buli yang berlaku di sekolah telah menjadi isu negara dan mencetuskan perbincangan hangat dalam kalangan pembuat dasar. Seperti negara lain, di Malaysia juga sering berlaku kes buli dalam kalangan murid di sekolah. Menurut Noran Fauziah et al. (2010), kes buli dalam kalangan murid di Malaysia semakin meningkat. Kes buli yang berlaku di negara ini dianggap semakin serius apabila telah menyebabkan kes kehilangan nyawa. Walaupun beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia namun fenomena ini masih sukar untuk dibendung.

Buli adalah satu masalah yang serius kerana ia akan mempengaruhi secara negatif kehidupan ramai murid. Hal ini kerana murid yang dibuli biasanya mengalami ketakutan, penghinaan dan kekecewaan yang mengakibatkan mereka mempunyai harga diri yang rendah. Mereka juga sering mengasingkan diri daripada kumpulan rakan sebaya, ponteng sekolah, perubahan keperibadian, perubahan emosi, kemurungan dan ada yang mengambil jalan singkat dengan membunuh diri (Swearer & Hymel, 2015). Secara tidak langsung, hal ini telah merencatkan kelestarian pendidikan murid dan perkara ini harus ditangani dengan segera.

Kajian lepas mendapati, ada beberapa faktor yang mempunyai hubungan dengan perlakuan buli dalam kalangan murid sekolah. Pengaruh luaran yang dibawa oleh murid telah mencetuskan kejadian buli yang berlaku di sekolah. Faktor ibu bapa dan keluarga merupakan pengaruh yang dibawa dari luar oleh murid ke dalam persekitaran sekolah. Salah satu faktor berkaitan dengan keluarga yang dikenal pasti mempunyai kesan yang negatif terhadap penyesuaian diri dan perlakuan luaran remaja adalah faktor konflik keluarga (Cummings et al., 1994; Emery, 1982; Lindahl & Malik, 1999).

Menurut Jenkins dan Smith (1991), murid yang terdedah kepada konflik keluarga dilihat mempunyai hubungan yang rapat dengan perlakuan negatif seperti perlakuan agresif. Hal ini menjelaskan bahawa pemerhatian dan pengalaman konflik keluarga yang dialami oleh murid mempengaruhi mereka melakukan perlakuan buli semasa berada di sekolah. Walau bagaimanapun, tiada kajian yang telah dijalankan di dalam negara bagi mengkaji hubungan antara konflik keluarga dengan perlakuan buli dalam kalangan murid di sekolah. Hal ini telah mewujudkan satu jurang dalam penyelidikan berkaitan perlakuan buli di negara ini.

Selain itu, kes-kes buli yang dilaporkan berlaku di dalam negara sering melibatkan murid lelaki. Keadaan ini selari dengan dapatan kajian-kajian buli yang telah dijalankan di dalam serta di luar negara (Noran Fauziah, 2002; Berthold & Hoover, 2000; Hoover & Hazler, 1991). Murid lelaki didapati lebih ramai terlibat dengan perlakuan buli berbanding dengan murid perempuan. Menurut Hellstrom dan Beckman (2020), persepsi murid lelaki adalah mereka harus menang dalam setiap pergaduhan untuk menunjukkan ciri maskulin mereka. Hal demikian merupakan faktor yang menyebabkan murid lelaki lebih ramai terlibat sebagai pembuli. Justeru kajian perlakuan buli yang memfokuskan murid lelaki perlu dilaksanakan

bagi menjelaskan hubungan antara konflik keluarga dengan perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki.

Oleh yang demikian, penting bagi kajian ini mengkaji hubungan antara konflik keluarga dengan perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki di sekolah. Atas tujuan tersebut, kajian ini telah direka bentuk untuk mengenal pasti tahap dan jenis perlakuan buli dan konflik keluarga dalam kalangan murid lelaki yang berkecenderungan membuli di sekolah. Di samping itu, kajian ini juga turut mengenal pasti hubungan antara konflik keluarga dengan perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki yang mempunyai kecenderungan untuk membuli di sekolah.

SOROTAN LITERATUR

Perlakuan Buli

'Buli' merujuk kepada satu situasi apabila seseorang itu terdedah kepada tindakan yang negatif secara berulang kali oleh seorang murid lain atau lebih (Olweus, 1996, dalam Jamalsafri & Ahmad Zamri, 2010) dan Rigby (1996, dalam Jamalsafri & Ahmad Zamri, 2010) turut menyatakan bahawa perlakuan buli dilakukan secara langsung atau secara tidak langsung oleh seseorang murid ataupun kumpulan murid yang dominan. Perlakuan buli ini bertujuan untuk menyakitkan orang lain dan membuatnya berada dalam keadaan tertekan (Jamalsafri et al., 2010). Buli ini biasanya mempamerkan "hubungan kuasa asimetri" (Olweus, 1997, dalam Jamalsafri et al., 2010), atau satu "sistem penyalahan kuasa" (Smith et al., 2004). Perlakuan buli berlaku dalam satu jangka masa tertentu. Kebiasaannya murid yang terlibat dengan perlakuan membuli mempunyai tahap kesedaran yang berbeza terhadap apa yang dirasa oleh mangsa akibat perlakuan buli tersebut (Olweus, 1997, dalam Jamalsafri et al., 2010). Kebanyakan daripada pembuli menyedari bahawa perlakuan mereka itu adalah sesuatu yang salah (Rigby, 1996, dalam Jamalsafri & Ahmad Zamri, 2010). Menurut Noran Fauziah (2006), beliau menyatakan bahawa tingkah laku buli adalah sebagai satu tindakan agresif secara fizikal dan psikologikal yang dilakukan secara berulang kali terhadap mangsa. Bukan itu sahaja, menurut Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Manusia Amerika Syarikat, turut menyatakan bahawa tingkah laku buli adalah merujuk kepada satu tingkah laku agresif yang berulang dan turut melibatkan ketidakseimbangan kuasa secara nyata atau secara tidak nyata.

Jenis-jenis Buli

Dalam memahami definisi buli, adalah sangat penting untuk mengetahui jenis-jenis buli yang berlaku. Definisi perlakuan buli yang digunakan di dalam kajian ini merujuk kepada perlakuan negatif yang dilakukan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Buli secara langsung merujuk kepada tindakan negatif yang berlaku secara terbuka terhadap mangsa dalam bentuk sentuhan fizikal (seperti memukul, menendang, menampar, menolak, merosakkan atau mencuri harta benda, menunjukkan simbol yang tidak sopan,

dan memaksa melakukan sesuatu) (Noran Fauziah, 2004). Buli secara tidak langsung pula merujuk kepada tindakan negatif yang berlaku dalam bentuk psikologi (pemulauan sosial dan penyingkiran seseorang dari sesebuah kumpulan) (Olweus, 1993), verbal (mengejek, mengugut, menghina dan mencela) (Olweus, 1991) dan siber yang dilakukan oleh murid yang lebih dominan terhadap murid yang lebih lemah.

Perlakuan buli pula dikelaskan kepada enam jenis buli iaitu buli fizikal, buli verbal, buli isyarat, buli ugutan, buli pemulauan dan buli siber. Buli fizikal merangkumi memukul, menendang, tersandung, mencubit dan menolak atau merosakkan harta benda. Buli fizikal menyebabkan kesan jangka pendek dan jangka panjang terhadap mangsa. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid lelaki lebih agresif dan sering terlibat secara langsung dalam perlakuan buli fizikal. Oleh yang demikian, murid lelaki mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk membuli mangsa secara fizikal berbanding dengan murid perempuan (Scheithauer et al., 2006). Menurut Card et al. (2008), tanpa mengira kumpulan umur, etnik, kelas sosial, budaya atau kewarganegaraan, murid lelaki juga dilihat lebih cenderung terlibat dalam buli fizikal berbanding perempuan.

Buli verbal merujuk kepada apabila seseorang menggunakan bahasa lisan untuk memalukan, mengejek atau menghina orang lain. Tidak seperti buli fizikal, di mana kesannya dapat dilihat, buli lisan lebih sukar dikesan dan dihentikan. Buli verbal merangkumi panggilan nama, penghinaan, ejekan, intimidasi, pernyataan homofobik atau perkauman, atau penyalahgunaan lisan (Bjorkqvist et al., 2017). Walaupun buli lisan pada mulanya tidak kelihatan bahaya, ia akan meningkat ke tahap yang lebih serius terhadap sasaran.

Buli pemulauan juga dirujuk sebagai mangsa perhubungan iaitu pembuli memanipulasi hubungan atau persahabatan untuk mengakibatkan derita emosi ke atas murid lain. Misalnya sebuah kumpulan rakan sebaya yang bertindak menentang seseorang dengan cara tidak mempedulikannya. Buli ini juga dikenali sebagai buli sosial, ia sukar untuk dikenal pasti dan dilakukan secara tidak langsung terhadap orang yang dibuli. Ia dirancang untuk merosakkan reputasi sosial seseorang lalu menyebabkan penghinaan terhadap mangsa buli. Mangsa biasanya mempunyai harga diri yang sangat rendah, merasa dirinya tidak cukup baik atau bahkan tertekan ketika mereka mengalami buli pemulauan (Bjorkqvist et al., 1992).

Buli isyarat adalah jenis perlakuan buli di mana pembuli tidak melakukan secara fizikal atau verbal sebaliknya menunjukkan isyarat yang bersifat negatif dengan tujuan untuk menakutkan atau membuatkan mangsa berasa tertekan (de Andrade et al., 2019). Ianya dilakukan dengan cara menjeling, menunjukkan penumbuk, menunjukkan isyarat lucu, menjelir dan lain-lain lagi. Sementara itu, buli ugutan pula adalah jenis buli di mana pembuli mengancam akan menyakiti mangsa sekiranya ia tidak melakukan apa yang dikatakannya. Oleh itu, mangsa mungkin terpaksa memberikan wang kepada pembuli, harta benda atau makanan mereka. Mangsa bahkan mungkin terpaksa melakukan sesuatu perkara dengan terpaksa.

Pusat Penyelidikan Buli Siber Australia (Kaluarachchi et al., 2020), mendefinisikan buli siber sebagai perlakuan negatif yang disengajakan dan berulang dengan penggunaan komputer, telefon, dan alat elektronik lain. Buli siber boleh berlaku secara terang-terangan atau tersembunyi menggunakan teknologi digital, termasuk perkakasan seperti komputer dan telefon pintar, dan perisian seperti media sosial, pesanan segera, teks, laman web dan platform dalam talian lain. Buli siber juga didapati dilakukan pada bila-bila masa sahaja secara terbuka atau peribadi dan kadang-kadang hanya diketahui oleh mangsa dan orang yang membuli.

Konflik Keluarga

Konflik keluarga merujuk kepada kekerapan konflik yang berlaku secara verbal, fizikal dan psikologi. Walau bagaimanapun kajian ini tidak termasuk konflik yang berbentuk seksual. Konflik keluarga yang diukur di dalam kajian ini merangkumi konflik yang berlaku antara ibu dengan bapa, konflik antara ibu bapa dengan murid dan konflik antara adik-beradik dengan murid (Straus et al., 1995).

Tinjauan literatur mendapati faktor konflik keluarga dilihat memberi kesan dan pengaruh yang besar ke atas perlakuan agresif murid. Menurut Lindahl dan Malik (1999), kanak-kanak yang terdedah kepada konflik keluarga dan keganasan fizikal didapati mempunyai tahap perkembangan emosi yang rendah, kawalan kemarahan serta perasaan suka terhadap permusuhan. Manakala Harold et al. (2013), pula menyatakan bahawa di United Kingdom, hubungan di antara ibu bapa dan anak berfungsi sebagai satu ciri utama dasar kekeluargaan. Sementara itu, Van Noorden et al. (2016), mendapati murid yang mempunyai sikap dan pemikiran yang suka kepada keganasan mempunyai tahap empati yang rendah terhadap orang lain dan ianya mempunyai hubungan dengan perlakuan membuli.

Jenkins dan Smith (1991) menjelaskan, murid yang kerap terdedah dengan konflik keluarga dilihat mempunyai hubungan yang rapat dengan pembentukan perlakuan agresif. Mereka cenderung untuk mempunyai persepsi yang salah, termasuk percaya bahawa perlakuan agresif merupakan sesuatu tindak balas yang betul dan sah sebagai langkah provokasi, meningkatkan keyakinan diri, membantu mencegah imej diri yang negatif dan tidak menyebabkan penderitaan kepada mereka (Slaby & Guerra, 1988). Selain itu, murid ini menghadapi risiko pembentukan kemahiran menyelesaikan masalah sosial yang rendah dan akan memesongkan kepercayaan mereka tentang kesahan dan normaliti sesuatu sikap agresif (Bandura, 1973). Marta dan Alfieri (2014) pula menyatakan, akibat berlakunya konflik keluarga, ia mempengaruhi kecekapan kemampuan bersosial anak-anak mereka dalam berhubungan dengan masyarakat, rakan sebaya dan guru mereka. Hal ini mempengaruhi cara mereka menyelesaikan masalah sosial dan kepercayaan terhadap perlakuan agresif.

Akhir sekali, bagaimana cara seseorang kanak-kanak itu menerima, memahami dan mengingati sesuatu konflik dan interaksi agresif yang diperhatikan akan memberi kesan kepada tindak balasnya terhadap sesuatu konflik yang berlaku sama ada di dalam keluarga atau di luar pada kemudian hari (Cummings et al., 1994) dan perkara ini menunjukkan

semakin kerap konflik keluarga yang dialami mungkin menyebabkan tingginya tahap perlakuan buli murid tersebut. Bukan itu sahaja, ia juga berupaya menyebabkan kanak-kanak menginternalisasi gejala dan mereka berasa tertekan dan sukar untuk mengawal emosi mereka (Marta & Alfieri, 2014).

Teori Pembelajaran Sosial - Bandura (1973)

Hubungan antara konflik keluarga dengan perlakuan buli ini dapat dijelaskan menerusi Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Albert Bandura (1973). Teori ini memberi fokus kepada proses pembelajaran yang berlaku dalam konteks sosial. Ia menganggap bahawa manusia belajar sesuatu menerusi orang lain. Proses pembelajaran ini merangkumi beberapa konsep iaitu pemerhatian, pembelajaran, peniruan dan pemodelan.

Menurut Bandura, manusia didorong oleh pengaruh yang terdapat di persekitarannya. Bagaimanapun beliau tidak menafikan terdapat juga faktor biologikal yang memberi kesan. Pembelajaran menerusi pemerhatian (*modelling*) adalah amat penting bagi seseorang untuk memperolehi perlakuan agresif. Seseorang itu memperoleh sesuatu perlakuan itu dengan cara melihat serta mencontohi atau meniru perlakuan tersebut.

Bandura (1973) menyatakan, individu itu meniru kerana apa yang dilakukannya membawa kepada kepuasan atau ganjaran yang dinamakan sebagai peneguhan. Peneguhan ini wujud menerusi tiga cara iaitu secara langsung, sendiri dan vikarius. Menerusi peneguhan secara langsung, individu mendapat ganjaran seperti pujian kerana ia meniru sesuatu perlakuan yang diperhatikan. Peneguhan sendiri pula, individu meniru bukan kerana ingin dipuji tetapi untuk mencapai kehendaknya sendiri serta kepuasan. Peneguhan vikarius pula merujuk kepada individu yang memperolehi kepuasan secara tidak langsung dengan meniru. Individu yang melihat orang lain mendapat kepuasan atau ganjaran kerana meniru perlakuan model juga berbuat demikian kerana ingin mendapatkan peneguhan yang sama.

Dengan menggunakan teori ini, jelas menerangkan hubungan di antara konflik keluarga dengan perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki berkecenderungan membuli di sekolah. Di samping itu, kebanyakan kajian terdahulu berkaitan dengan perlakuan buli di dalam atau di luar negara juga telah menggunakan Teori Pembelajaran Sosial.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Untuk mencapai objektif kajian, penyelidik menggunakan pendekatan secara kuantitatif berbentuk korelasi bagi memperoleh maklumat yang diperlukan. Kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen digunakan untuk mengumpul data kajian. Pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji ialah tahap kekerapan konflik keluarga manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki di sekolah.

Sampel Kajian

Kaedah persampelan secara bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan dalam mengumpul sampel atau bilangan murid lelaki yang memiliki kecenderungan terhadap perlakuan buli. Merujuk kepada penggunaan kaedah persampelan secara bertujuan ini, seramai 74 orang murid-murid daripada 480 orang murid-murid lelaki tingkatan empat yang berusia 16 tahun, telah dipilih menjadi sampel kajian dengan merujuk kepada skor terkumpul soal selidik Tahap Tingkah Laku Buli (TTLB) yang mengukur perlakuan buli secara langsung dan secara tidak langsung. Sebanyak lima buah sekolah menengah yang mempunyai masalah disiplin yang tinggi telah dipilih mengikut lima daerah di Pulau Pinang.

Instrumen dan Kajian Rintis

Soal selidik (TTLB) bagi kajian ini telah diubah suai berdasarkan soal selidik Skala Tingkah Laku Buli (STLB) yang telah digunakan oleh Abdul Malek B. Abdul Rahman (2004, dalam Jamalsafri et al., 2010), (TTLB) mengandungi 25 item soalan bagi mengumpul maklumat terhadap kekerapan perlakuan buli secara langsung dilakukan sebanyak 12 item, dan perlakuan buli secara tidak langsung sebanyak 13 item. Skor min yang diperoleh hasil daripada soal selidik TTLB menggunakan kriteria pengelasan tahap perlakuan buli seperti berikut: (a) tahap rendah, (b) sederhana rendah, (c) sederhana tinggi, dan (d) tinggi, dalam menentukan tahap perlakuan buli. Hanya murid-murid yang memperolehi skor buli dari tahap sederhana rendah hingga tahap tinggi sahaja dipilih sebagai sampel kajian. Kebolehpercayaan item soal selidik TTLB telah menggunakan pekali Cronbach Alpha dan telah memperoleh nilai 0.88 bagi 25 item soalan.

Sementara itu, Soal selidik Kekerapan Konflik Keluarga (KKK) digunakan untuk mengukur tahap konflik keluarga murid. Soal selidik ini mempunyai 60 item, diubahsuai berasaskan soal selidik *Conflict Tactics Scale 2 (CTS2)* yang di buat oleh Straus et al. (1995). Dimensi yang diukur melibatkan konflik fizikal, verbal dan psikologi yang berlaku antara ibu dengan bapa, antara ibu bapa dengan murid serta konflik yang berlaku di antara adik-beradik dengan murid. Soal selidik ini telah menggunakan skala Likert dengan mengaplikasikan skala 1–5 untuk mengenal pasti tahap konflik keluarga bagi murid. Sementara itu, kebolehpercayaan item menggunakan pekali Cronbach Alpha bagi soal selidik KKK ini adalah 0.98 bagi 60 item soalan.

Kesahan kedua-dua soal selidik telah dilakukan dengan empat orang pakar dalam bidang kajian, bahasa dan psikometrik bagi mendapatkan pandangan serta nasihat. Perubahan dan ubahsuai dilakukan atas nasihat pakar terutama berkaitan penggunaan istilah di dalam soal selidik. Pengubahsuaian ini dilakukan bagi menyesuaikan soal selidik dengan tujuan kajian serta budaya masyarakat di negara ini.

Kaedah Analisis Data

Data kajian yang diperoleh melalui soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS). Kaedah pengiraan statistik deskriptif diguna pakai bagi menentukan peratusan dan pengelasan tahap perlakuan buli dan tahap konflik keluarga secara deskriptif. Statistik inferensi pula digunakan oleh pengkaji untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah tahap perlakuan buli dengan pemboleh ubah konflik keluarga dalam kalangan murid lelaki yang mempunyai kecenderungan membuli. Bagi menguji perhubungan dan kekuatan perkaitan antara pemboleh ubah ini, ujian pekali korelasi Pearson (Pearson's Correlation) telah digunakan.

Etika Kajian

Kebezaan daripada beberapa pihak telah diperoleh sebelum kajian ini dijalankan. Pertama, kebenaran diminta dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, diikuti oleh pengetua sekolah yang terpilih dan akhirnya, kebenaran diminta daripada ibu bapa.

DAPATAN KAJIAN

Tahap dan Jenis Perlakuan Buli dalam Kalangan Murid yang Berkecenderungan Membuli

Berdasarkan min skor buli yang diperoleh menerusi soal selidik TTLB telah mengelaskan murid kepada lima tahap, merujuk kepada skala tahap perlakuan buli yang digunakan dalam kajian ini. Min bagi 74 murid lelaki yang mempunyai kecenderungan membuli di sekolah adalah berada pada tahap sederhana rendah (2.43). Data ini dapat dilihat menerusi Jadual 1.

Jadual 1. Min perlakuan buli murid yang mempunyai kecenderungan membuli

	N	Min	Sisihan piawai
Tingkah laku buli	74	2.43	.759
Valid N	74		

Sementara itu dapatan perlakuan buli secara langsung dan secara tidak langsung mendapati min skor bagi buli secara langsung (1.94) adalah lebih rendah berbanding dengan min skor bagi perlakuan buli secara tidak langsung (2.86) (Jadual 2). Keadaan ini menunjukkan bahawa jenis perlakuan buli secara tidak langsung (psikologi, verbal dan siber) adalah jenis buli yang kerap berlaku dalam kalangan murid lelaki di sekolah berbanding dengan jenis perlakuan buli secara langsung (fizikal).

Jadual 2. Min perlakuan buli secara langsung dan secara tidak langsung

	<i>N</i>	Min	Sisihan piawai
Buli secara langsung	74	1.94	.32
Buli secara tidak langsung	74	2.86	.80

Tahap dan Jenis Konflik Keluarga dalam Kalangan Murid yang Berkecenderungan Membuli

Berdasarkan soal selidik KKK, didapati min kekerapan konflik keluarga bagi 74 orang murid yang membuli berada di tahap rendah (1.33). Di dalam kajian ini, penyelidik mengelaskan tahap konflik keluarga kepada lima tahap berdasarkan skor min kekerapan konflik keluarga. Tahap tersebut adalah; (a) tahap rendah, (b) tahap sederhana rendah, (c) tahap sederhana, (d) tahap sederhana tinggi, dan (e) tahap tinggi. Min keseluruhan bagi tahap konflik keluarga dapat dilihat menerusi Jadual 3.

Jadual 3. Min tahap kekerapan konflik keluarga murid lelaki mempunyai kecenderungan membuli

	<i>N</i>	Min	Sisihan piawai
Tahap Kekerapan Konflik Keluarga (KKK)	74	1.33	.726
<i>Valid N</i>	74		

Kajian juga mendapati jenis konflik yang berlaku antara murid dengan adik-beradik merupakan jenis konflik keluarga yang paling kerap berlaku dengan min kekerapan (1.71). Nilai ini lebih tinggi berbanding dengan min bagi jenis konflik antara ibu bapa dengan murid (1.63) dan konflik yang berlaku antara ibu dengan bapa (1.40). Bagaimanapun, ketiga-tiga jenis konflik keluarga ini telah diklasifikasikan pada konflik di tahap rendah. Konflik antara murid dengan adik-beradik adalah paling kerap berlaku berbanding dengan konflik antara ibu bapa dengan murid dan diikuti jenis konflik antara ibu dengan bapa. Data ini dapat dilihat menerusi Jadual 4.

Jadual 4. Perbezaan min antara jenis konflik keluarga (*N* = 74)

Jenis konflik keluarga	Min	Sisihan piawai
Konflik antara ibu dengan bapa	1.40	0.18
Konflik ibu bapa dengan murid	1.63	0.26
Konflik murid dengan adik-beradik	1.71	0.22

Hubungan antara Tahap Konflik Keluarga dengan Tahap Perlakuan Buli dalam Kalangan Murid Lelaki di Sekolah

Hasil ujian pekali korelasi, menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara tahap konflik keluarga dengan tahap perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki yang berkecenderungan membuli di sekolah ($r = 0.45^{**}$, $df = 74$,

$p < 0.000$) (Jadual 5). Nilai ini bererti terdapat hubungan pada tahap kekuatan yang sederhana antara konflik keluarga dengan perlakuan buli. Hal ini bermaksud murid yang datang daripada keluarga yang mempunyai tahap konflik keluarga yang tinggi, cenderung untuk memiliki tahap perlakuan buli yang tinggi.

Jadual 5. Keputusan analisis korelasi antara tahap konflik keluarga dengan tahap perlakuan buli

	Tahap konflik keluarga		
	Korelasi Pearson	Sig. (2 hala)	<i>N</i>
Tahap perlakuan buli	.451 (***)	.000	74

Nota: Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-hala).

PERBINCANGAN

Perlakuan Buli dalam Kalangan Murid Lelaki Berkecenderungan Membuli

Kajian mendapati tahap perlakuan buli bagi murid lelaki berkecenderungan membuli berada di tahap sederhana rendah. Kajian meta analisis Cook et al. (2010), menjelaskan terdapat hubungan yang kuat bagi murid lelaki dengan tingkah laku membuli dan mangsa buli di sekolah. Walaupun tahap buli bagi murid lelaki yang berkecenderungan membuli ini berada di tahap sederhana rendah namun ianya harus diberi perhatian serius kerana kesan perlakuan buli bukan hanya berlaku terhadap mangsa sahaja malah menurut Ttofi dan Farrington (2011), perlakuan buli juga adalah peramal terhadap perlakuan delinkuen dan jenayah di kemudian hari.

Kajian juga menunjukkan buli secara tidak langsung merupakan jenis buli yang sering dilakukan oleh murid lelaki berbanding dengan buli secara langsung. Hal ini selari dengan tinjauan buli yang telah dilakukan oleh Abdul Malek (2004) di negeri Perak dan Noran Fauziah (2002) di negeri Kedah dan Perlis, yang mendapati bahawa 80% murid sekolah menengah terlibat dengan perlakuan buli (buli psikologi). Argenbright dan Edgell (1999), menjelaskan hal ini berlaku kerana buli secara tidak langsung adalah sukar untuk dikesan. Justeru pembuli akan menjadi lebih berani untuk meneruskan perlakuan buli jenis ini. Walaupun buli secara langsung yang lebih bersifat fizikal didapati lebih rendah berbanding buli secara tidak langsung namun kesan yang diterima mangsa boleh membawa kehilangan nyawa (Rivara & Le Menestrel, 2016). Oleh hal demikian pemantauan dan program pencegahan buli di sekolah perlu juga mengambil kira jenis buli yang berlaku secara tidak langsung kerana ianya akan menjadi lebih serius jika tidak diberi perhatian.

Tahap Konflik Keluarga dalam Kalangan Murid Lelaki Berkecenderungan Membuli

Kajian mendapati tahap buli bagi murid lelaki berkecenderungan membuli berada di tahap rendah manakala konflik yang berlaku antara murid dengan adik-beradik merupakan jenis konflik keluarga yang paling kerap berlaku dalam kalangan murid lelaki yang

berkecenderungan membuli. Dapatan ini mungkin disebabkan ibu bapa murid ini bekerja. Ibu bapa mempunyai masa yang terhad berbanding dengan adik-beradik untuk bersama murid. Oleh yang demikian murid lebih kerap berkonflik dengan adik-beradik berbanding dengan ibu bapa. Di samping itu, perbezaan usia antara abang atau kakak dengan murid sebagai adik mungkin mencetuskan kekerapan konflik antara mereka. Keadaan ini disebabkan oleh 'hubungan kuasa asimetri' (Olweus, 1977, dalam Jamalsafri et al., 2010) atau 'sistem salah guna kuasa' (Smith & Sharp, 1994), di mana abang atau kakak cuba untuk menunjukkan kelebihan dari aspek fizikal, umur dan kuasa mereka sebagai pihak yang lebih dominan terhadap adik.

Hal ini dapat dijelaskan menerusi Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1973) bahawa individu membentuk perlakuan mereka sendiri berdasarkan apa yang dimodelkan untuk mereka (secara tersirat atau tersurat) dan bagaimana ia diberi ganjaran dan hukuman. Justeru konflik yang berlaku di rumah antara murid dengan abang atau kakak menjadi model oleh murid ini untuk melakukan perkara yang sama terhadap murid lain di sekolah. Dalam menangani hal ini faktor keibubapaan yang positif perlu ditekankan. Ibu bapa harus menekankan hubungan yang baik antara adik-beradik dan menerapkan nilai hormat dan kasih sayang dalam keluarga.

Hubungan antara Tahap Konflik Keluarga dengan Perlakuan Buli dalam Kalangan Murid Lelaki Berkecenderungan Membuli

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, pengkaji mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap konflik keluarga dengan perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki yang mempunyai kecenderungan membuli di sekolah. Hal ini juga selari dengan beberapa kajian yang telah dilakukan di dalam dan luar negara yang mendapati faktor konflik keluarga dilihat mempunyai hubungan dan pengaruh yang besar ke atas perlakuan agresif kanak-kanak (Cummings et al., 1994; Lindahl & Malik, 1999). Jenkins dan Smith (1991) mendapati kanak-kanak yang terdedah dengan kerap terhadap konflik keluarga dilihat mempunyai hubungan yang rapat dengan pembentukan perlakuan negatif seperti perlakuan agresif (buli).

Di samping itu, cara ibu bapa menguruskan kemarahan serta konflik yang berlaku mungkin memberi kesan khususnya terhadap perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Frosch et al. (2000) melaporkan bahawa terdapatnya hubungan antara konflik keluarga dengan kualiti keterikatan antara ibu bapa dengan kanak-kanak, manakala kualiti keterikatan mempunyai hubungan dengan delinkuen jувana termasuk yang melakukan perlakuan buli (Jamalsafri, 2002). Grych et al. (2002) mendapati wujudnya hubungan antara konflik keluarga dengan representasi mental kanak-kanak, yang juga menjurus kepada perlakuan buli.

Dapatan kajian juga menyokong Walker (2003) yang menyatakan kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran keluarga yang penuh konflik dan keganasan mungkin akan menganggap perlakuan agresif ini sebagai satu cara yang sesuai bagi menjamin keselamatan dan perlindungan diri di dalam persekitaran yang bersaing di sekolah. Oleh hal demikian,

kajian ini mencadangkan bahawa murid yang mempunyai tahap konflik keluarga yang tinggi ketika berada di rumah mempunyai kecenderungan untuk membuli murid lain ketika berada di sekolah.

Hal ini bertepatan dengan Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1973) yang menjelaskan salah satu cara bagaimana seseorang murid itu memperoleh perlakuan agresif adalah menerusi pengaruh yang dimainkan oleh faktor keluarga. Konflik yang berlaku dalam sesebuah keluarga serta ibu bapa yang mengamalkan hukuman sebagai cara untuk mendidik anak, menggambarkan kepada anak mereka bahawa tindakan agresif tersebut merupakan sesuatu yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah dalam kehidupan harian. Secara tidak langsung tanggapan ini akan dibawa ke sekolah dan diaplikasikan dalam hubungan sosial dengan rakan sebaya.

Di samping itu, teori ini menjelaskan bahawa murid memperoleh perlakuan buli tersebut adalah hasil daripada pemerhatian terhadap perlakuan agresif yang dilakukan oleh orang dewasa sama ada ibu, bapa, abang atau kakak yang menjadi *role-model* dalam kehidupan seharian mereka di rumah. Kebarangkalian murid tersebut menjadi pembuli akan meningkat apabila mereka memerhatikan bahawa perlakuan agresif yang dilakukan oleh *role-model* tidak menerima sebarang hukuman sebaliknya memperoleh sesuatu yang berbentuk ganjaran. Secara tidak langsung, ia memberi penegasan kepada setiap murid bahawa perlakuan buli itu adalah sesuatu yang diterima.

RUMUSAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara konflik keluarga dengan perlakuan buli dalam kalangan murid lelaki yang berkecenderungan membuli di sekolah. Analisis korelasi yang dijalankan mendapati murid lelaki yang berkecenderungan membuli di sekolah mempunyai hubungan dengan konflik keluarga yang berlaku di rumah. Dapatan ini menjelaskan betapa pentingnya faktor kekeluargaan yang positif dalam sebuah keluarga bagi mengelak berlakunya konflik keluarga. Hal ini kerana konflik keluarga yang berlaku di rumah akan memberi kesan kepada anak-anak sehingga menjadikan mereka sebagai pembuli di sekolah.

Dapatan kajian mempunyai implikasi terhadap persekitaran keluarga dan gaya keibubapaan. Selama ini konflik ibu bapa sering diberi perhatian utama dalam menangani isu ini. Namun dapatan kajian menunjukkan bahawa konflik antara murid dengan adik-beradik juga perlu diambil perhatian berdasarkan dapatan kajian. Oleh hal demikian, mengurangkan konflik antara ibu bapa, konflik ibu bapa dengan anak dan konflik antara adik-beradik adalah perlu bagi mengurangkan kes buli yang berlaku di sekolah. Justeru ibu bapa dicadangkan menerapkan gaya keibubapaan yang mesra dan sering mengawasi anak-anak mereka agar tidak terlibat sebagai seorang pembuli atau mangsa buli. Ibu bapa juga haruslah meningkatkan komunikasi secara positif dengan anak-anak supaya anak tidak berasa malu untuk berkongsi masalah. Ibu bapa juga perlu menyedari keadaan psikologi anak-anak

mereka terutama mereka yang terlibat dengan kes buli. Sekiranya perlu, perkhidmatan psikologi harus diberikan bagi menangani isu ini.

Dapatan kajian juga mempunyai implikasi terhadap program pencegahan dan intervensi yang dijalankan oleh kaunselor sekolah terhadap pembuli dan mangsa buli di sekolah. Oleh kerana mangsa buli berbeza dalam tahap dan bentuk penderaan buli yang dialami, program pencegahan dan intervensi yang sesuai harus dijalankan oleh kaunselor mengikut ciri-ciri yang dipamerkan oleh mangsa buli. Kaunselor juga seharusnya tidak menggunakan intervensi yang sama kepada pembuli seperti mana intervensi yang diberikan kepada pelajar yang melakukan kesalahan tingkah laku yang lain (mencuri, ponteng sekolah, bergaduh dan lain-lain) ketika berada di sekolah. Ciri-ciri pembuli yang dipamerkan perlu dicerap supaya intervensi yang sesuai dapat digunakan untuk membetulkan kembali perlakuan buli pelajar kepada perlakuan terpuji.

Di samping itu, pihak sekolah, kaunselor, ibu bapa dan masyarakat seharusnya tidak hanya fokus kepada murid yang membuli tetapi juga membantu mereka yang menjadi mangsa buli untuk keluar dari trauma dan belajar melindungi diri mereka dengan cara yang wajar dan bukannya dengan cara membalas dendam. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid mampu membantu mereka untuk berhadapan dengan pembuli dengan cara yang bijaksana. Hal ini akan memperkukuhkan keyakinan diri dalam berhadapan isu buli. Latihan kemahiran kekeluargaan, pendidikan psikologi dan terapi perlakuan kognitif juga dapat digunakan untuk memperbaiki hubungan ibu bapa dan keluarga serta mendorong mereka untuk menerapkan gaya keibubapaan yang lebih positif. Hal ini akan menjadikan sesebuah keluarga harmoni dan membantu mencegah isu buli dari aspek keluarga. Kerjasama antara pihak sekolah dengan ibubapa haruslah dipertingkatkan supaya matlamat untuk menjadikan sekolah sebagai zon buli sifar menjadi kenyataan.

Pada masa akan datang dicadangkan agar satu kajian yang sama dijalankan secara kualitatif dengan melibatkan murid lelaki dan perempuan sebagai sampel kajian. Hal ini supaya dapatan kajian akan lebih mendalam dan membekalkan maklumat yang tepat dalam membantu membangunkan program intervensi yang sesuai bagi menangani isu buli yang berpunca daripada faktor konflik keluarga. Dengan adanya program yang sesuai, isu ini akan dapat diselesaikan. Secara tidak langsung ianya mampu membantu mencapai SDG 4 - Pendidikan Berkualiti, di mana murid dapat memperoleh pendidikan yang berkualiti di dalam suasana persekitaran yang selamat dan merangsang perkembangan murid ke arah pembangunan lestari.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) (203. PGURU.6711552) dan Universiti Sains Malaysia kerana memberi kepercayaan untuk menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Malek Abdul Rahman. (2004). *The effectiveness of cognitive behavior group counseling on bullies amongst the secondary schools pupils*. [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Argenbright, G. C., & Edgell, L. A. (1999). *Taking a stand against bullying behaviour: Helping to make our schools safer for all children*. [Unpublished manuscript]. Chesterfield County Public Schools, Richmond, VA.
- Bandura, A. (1973). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Berthold, K. A., & Hoover, J. H. (2000). Correlates of bullying and victimization among intermediate students in the Midwestern USA. *School Psychology International*, 21(1), 65–78.
- Bjereld, Y., K. Daneback, K., & Petzold, M. (2017). Do bullied children have poor relationships with their parents and teachers? A cross-sectional study of Swedish children. *Children and Youth Services Review*, 73(2017), 347–351. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2017.01.012>
- Bjorkqvist, K., Osterman, K., & Kaukiainen, A. (1992). The development of direct and indirect aggressive strategies in males and females. In K. Bjorkqvist, & P. Niemela (Eds.). *Of mice and women: Aspects of female aggression* (pp. 51–64). New York: Academic Press. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-102590-8.50010-6>
- Card, N. A., Stucky, B. D., Sawalani, G. M., & Little, T. D. (2008). Direct and indirect aggression during childhood and adolescence: A meta-analytic review of gender differences, intercorrelations, and relations to maladjustment. *Child Development*, 79(5), 1185–229. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8624.2008.01184.x>
- Cook, C. R., Williams, K. R., Guerra, N. G., Kim, T. E., & Sadek, S. (2010). Predictors of bullying and victimization in childhood and adolescence: A meta-analytic investigation. *School Psychology Quarterly*, 25(2), 65. <https://doi.org/10.1037/a0020149>
- Cummings, E. M., Davies, P. T., & Simpson, K. S. (1994). Marital conflict, gender, and children's appraisals and coping efficacy as mediators of child adjustment. *Journal of Family Psychology*, 8, 141–149. <https://doi.org/10.1037/0893-3200.8.2.141>
- Department of Education. (An Roinn Oideachais). (1993). *Guidelines on countering bullying behaviour in schools*. Dublin: The Stationery Office.
- de Andrade, M. H. B., Gomes, M., C., Granville-Garcia, A. F., & Menezes, V. A. (2019). Bullying among adolescents and school, measures to tackle it. *Cadernos Saúde Coletiva*, 27(3), 325–330. <https://doi.org/10.1590/1414-462X201900030147>
- Emery, R. E. (1982). Interparental conflict and the children of discord and divorce. *Psychological Bulletin*, 92(2), 310.
- Frosch, C. A., Mangelsdorf, S. C., & McHale, J. L. (2000). Marital behavior and the security of preschooler-parent attachment relationships. *Journal of Family Psychology* 14, 144–161. <https://doi.org/10.1037/0893-3200.14.1.144>
- Grych, J. H., Wachsmuth, S. T., & Klockow, L. L. (2002). Interparental aggression and young children's representations of family relationships. *Journal of Family Psychology*, 16, 259–272. <https://doi.org/10.1037/0893-3200.16.3.259>
- Harold, G. T., Leve, L. D., Elam, K. K., Thapar, A., Neiderhiser, J. M., Natsuaki, M. N., ... & Reiss, D. (2013). The nature of nurture: Disentangling passive genotype–environment correlation from family relationship influences on children's externalizing problems. *Journal of Family Psychology*, 27(1), 12. <https://doi.org/10.1037/a0031190>
- Hellstrom, L., & Beckman, L. (2020). Adolescents' perception of gender differences in bullying. *Scandinavian Journal of Psychology*, 61, 90–96. <https://doi.org/10.1111/sjop.12523>

- Hoover, J., & Hazler, R. J. (1991). Bullies and victims. *Elementary School Guidance & Counseling*, 25(3), 212–219.
- Jamalsafri Saibon. (2002). *Hubungan antara struktur keluarga dan attachmen kepada ibu bapa dengan delinkuen juvana dalam kalangan murid Melayu*. Research report, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Jamalsafri Saibon & Ahmad Zamri Khairani. (2010). Hubungan antara status sosial murid dengan tahap tingkah laku buli. *Malaysian Education Deans' Council Journal*, 5, 56–67.
- Jamalsafri Saibon, Amelia Chiew Har Leong, & Muhamad Zahir Abd. Razak. (2017). Enhancing knowledge of bullying behavior through creative pedagogy among students. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, Special Issue*, 197–219. <https://doi.org/10.32890/mjli.2017.7803>
- Jamalsafri Saibon, Karim, F., & Mahmud, Z. (2010). Sifat maskulin dan tingkah laku membuli. *Malaysian Journal of Education*, 35(1), 77–82.
- Jenkins, J. M., & Smith, M. A. (1991). Marital disharmony and children's behaviour problems: aspects of a poor marriage that affect children adversely. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 32(5), 793–810.
- Kaluvarachchi, C., Warren, M., & Jiang, F. (2020). Responsible use of technology to combat Cyberbullying among adolescents. *Australasian Journal of Information Systems*, 24, 1–17.
- Lindahl, K. M., & Malik, N. M. (1999). Marital conflict, family processes, and boys' externalizing behavior in Hispanic American and European American families. *Journal of Clinical Child Psychology* 28, 12–24. https://doi.org/10.1207/s15374424jccp2801_2
- Marta E., & Alfieri, S. (2014). Family conflicts. In A. C. Michalos (Ed.), *Encyclopedia of quality of life and well-being research*. Dordrecht: Springer. https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5_997
- Noran Fauziah Yaakub. (2002, December). *Insiden buli di kalangan pelajar sekolah menengah: Implikasi kepada pengurusan sekolah*. Paper presented at Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-11, Institut Aminuddin Baki, pp. 261–272.
- Noran Fauziah Yaakub. (2004). *Masalah disiplin di kalangan murid sekolah rendah*. Paper presented at Seminar Hala Tuju Pendidikan Prima: Cabaran & Harapan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noran Fauziah Yaakub. (2006). *Hentikan buli di sekolah anda: Panduan sekolah menengah*. Petaling Jaya: Sutrapadu.
- Noran Fauziah Yaakub, Fatimah Haron, & Goh, C. L. (2010). Examining the efficacy of the Olweus prevention programme in reducing bullying: The Malaysian experience. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 5, 595–598. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.07.148>
- Olweus, D. (1977). Aggression and peer acceptance in adolescent boys: Two short-term longitudinal studies of ratings. *Child Development*, 48, 1301–1313. <https://doi.org/10.2307/1128488>
- Olweus, D. (1991). Bully/victim problem among school children: Basic facts and effects of a school-based intervention program. In K. Rubin, & D. Pepler (Eds.), *The development and treatment of childhood aggression* (pp. 411–488). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Olweus, D. (1993). *Bullying at school: What we know and what we can do*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Olweus, D. (1997). Bully/victim problems in school: Facts and intervention. *European Journal of Psychology of Education*, 12(4), 49–510.
- Rigby, K. (1996). *Bullying in school and what to do about it*. Melbourne: The Australian Council for Educational Research Ltd.

- Rigby, K. (2000). Effects of peer victimisation in schools and perceived social support on adolescent well-being. *Journal of Adolescence*, 23(1), 57–68.
- Rivara, F., & Le Menestrel, S. (Eds.). (2016). *Preventing bullying through science, policy, and practice*. Washington, DC: National Academics Press. <https://doi.org/10.17226/23482>
- Scheithauer, H., Hayer, T., Petermann, F., & Jugert, G. (2006). Physical, verbal, and relational forms of bullying among German students: Age trends, gender differences, and correlates. *Aggressive Behavior: Official Journal of the International Society for Research on Aggression*, 32(3), 261–275.
- Slaby, R. G., & Guerra, N. G. (1988). Cognitive mediators of aggression in adolescent offenders: 1. *Assessment*. *Developmental Psychology* 24, 580–588. <https://doi.org/10.1037/0012-1649.24.4.580>
- Smith P. K., Pepler, D., & Rigby, K. (Eds.). (2004). *Bullying in schools: How successful can interventions be?* Cambridge, UK: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511584466>
- Smith, P. K., & Sharp, S. (Eds.). (1994). *School bullying: Insights and perspectives*. London: Routledge.
- Straus, M. A., Hamby, S. L., Boney-McCoy, S., & Sugarman, D. B. (1995). *The revised conflict tactics scales (CTS2)*. Durham: University of New Hampshire, Family Research Laboratory. <https://doi.org/10.1037/t02126-000>
- Swearer, S. M., & Hymel, S. (2015). Understanding the psychology of bullying: Moving toward a social-ecological diathesis–stress model. *American Psychologist* 70(4), 344–353. <https://doi.org/10.1037/a0038929>
- Ttofi, M. M., & Farrington, D. P. (2011). Effectiveness of school-based programs to reduce bullying: A systematic and meta-analytic review. *Journal of Experimental Criminology*, 7, 27–56. <https://doi.org/10.1007/s11292-010-9109-1>
- Uba, I., Yaacob, S. N., Juhari, R., & Talib, M. A. (2010). Effect of self-esteem on the relationship between depression and bullying among teenagers in Malaysia. *Asian Social Science*, 6(12), 77–85.
- Van Noorden, T. H. J., Bukowski, W. M., Haselager, G. J. T., & Cillessen, A. H. N. (2016). Disentangling the frequency and severity of bullying and victimization in the association with empathy. *Social Development*, 25, 176–192. <https://doi.org/10.1111/sode.12133>
- Walker, G. A. (2003). *Conflict resolution skills and antisocial/aggressive behavior in a rural middle school population*. Spalding University.